

# newbec+

G A R A M D A N T E R A N G D U N I A :  
MERAYAKAN, MENDENGAR DAN BERJALAN BERSAMA DALAM SEMANGAT  
PERSEKUTUAN, PENYERTAAN DAN MISI (Matius 5:13-16)

"Hanya kepercayaan kepada Allah yang dapat mengubah keraguan menjadi kepastian, kejahatan menjadi kebaikan, malam menjadi fajar yang bercahaya."

Paus Fransiskus



Ayat Suci Minggu ini:

Kej 22: 1-2, 9-13, 15-18.

Mz 115: 10, 15-19;

Rom 8: 31-34.

Mk 9: 2-10.

Namun, dalam ketaatan dia melaksanakan apa yang diperintahkan Allah kepadanya. Namun, sama seperti Abraham bersiap untuk menikam anaknya dengan pisau, malaikat menghalangnya. Allah senang dengan kesetiaan Abraham. Disebabkan ini, Abraham diberitahu oleh Allah bahawa keturunannya akan bertambah banyak dan oleh keturunannya semua bangsa di bumi akan memberkati diri mereka sendiri.

Yesus sedang dalam perjalanan ke Yerusalem. Dia tahu bahawa, di kota suci itu, Dia akan mengalami penderitaan dan dihukum mati. Sementara itu, murid-muridNya masih gagal memahami mengapa Dia harus mati. Ia kelihatan sangat sia-sia bagi mereka. Kemudian, di suatu tempat di sepanjang perjalanan, hanya ditemani oleh tiga orang murid, Yesus mendaki ke puncak gunung yang tinggi. Di sana, Dia berubah rupa dan suara Allah Bapa, kedengaran, "Inilah PuteraKu, Yang Terkasih. Dengarkan Dia". Ini adalah peringatan kepada murid-murid yang keliru dan berkecil hati bahawa Yesus telah diberikan misi yang sukar oleh BapaNya - untuk menderita dan mati bagi dosa-dosa manusia. Namun, kematian Yesus tidak akan sia-sia. Dia akan bangkit daripada kematian. Dan keselamatan di tawarkan kepada semua manusia.

Kedua-dua bacaan kitab suci bermula dengan rasa keliru dan kecil hati. Walau bagaimanapun, mereka berakhir dengan mesej harapan yang benar. Melalui Abraham, sebuah bangsa akan dilahirkan dan melalui Yesus, keturunan Abraham, keselamatan akan diperoleh untuk seluruh umat manusia. Bacaan-bacaan ada pengajaran wujud dalam rumah tangga, masyarakat, negara dan dunia kita, **pengorbanan yang kita lakukan dengan ikhlas, untuk orang lain dan tetap setia kepada Allah tidak akan pernah sia-sia.** "Dengan Allah di pihak kita, siapakah yang dapat melawan kita?" kata Santo Paulus. Marilah kita sentiasa percaya kepada Allah! ✝



**"Aku Mempercayai, Walaupun Aku Menderita"**

Abraham diminta oleh Allah untuk mengorbankan anak tunggalnya, Ishak. Kita tidak diberitahu apa yang Abraham rasakan atau fikirkan semasa dia memimpin anaknya mendaki gunung. Pasti, dia keliru dan kecil hati. Sukar untuk dibayangkan - seorang bapa terpaksa mengorbankan anaknya. Dia pasti tertanya-tanya mengapa Allah meminta dia untuk nyawa anaknya.